

PANDUAN PENIAGA KECIL

PANDUAN PENIAGA KECIL

DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
KUALA LUMPUR
1987

KK. 330 - 1155 5202

Cetakan Pertama 1973
Cetakan Pertama (Edisi Kedua) 1982
Cetakan Kedua (Edisi Kedua) 1987
© Hakcipta Mahathir bin Mohamad 1973, 1982, 1986

Hakcipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan, dalam apa juga bentuk pun dan dengan cara apa jua pun baik secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain, mana-mana bahagian artikel/ ilustrasi/isi kandungan buku ini sebelum mendapat izin bertulis dari Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diaturhuf oleh Dewan Bahasa dan Pustaka
Rupataip Teks: Compugraphic T/Roman
Saiz Taip Teks: 10/12 poin

m
658.022

MAH

615003

Dicetak oleh
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka
Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS
Ampang/Hulu Kelang, Selangor.
\$3.50

- 2 FEB. 1993
Perpustakaan Negara
Malaysia

Kata Aluan

— Cetakan Pertama

Saya sebagai Yang Dipertua Gabungan Dewan-dewan Perniagaan Melayu Malaysia mengalu-alukan penerbitan buku sebagai panduan untuk peniaga-peniaga kecil ini yang telah diusahakan oleh Y.B. Dr. Mahathir yang saya fikirkan sangat mustahak bagi kebanyakan peniaga bumiputera. Ini adalah memandangkan banyaknya peniaga kecil bumiputera yang baru muncul dalam beberapa tahun ini yang menyahut seruan Kerajaan untuk mengambil bahagian cergas di dalam perniagaan di bawah Dasar Ekonomi Baru. Oleh yang demikian kenalah pada masanya buku seperti ini diterbitkan bagi menolong peniaga-peniaga kecil yang sebilangan besarnya merupakan muka-muka baru di dalam dunia perniagaan.

Walau bagaimanapun, inginlah saya menasihatkan kepada peniaga-peniaga baru ini supaya berhati-hati dan menaruh sepenuh minat di dalam perniagaan mereka dan berusaha bersungguh-sungguh supaya mereka mencapai kejayaan. Dewasa ini kita tidak mahu melihat terlampau banyak kegagalan bumiputera di dalam bidang perniagaan disebabkan mereka menceburi bidang ini dengan terburu-buru kecuali ianya tidak dapat dielakkan oleh sebab-sebab di luar kuasa dan dugaan mereka. Jika sekiranya terlalu banyak kegagalan berlaku, ini bukan sahaja merupakan kegagalan bagi peniaga-peniaga itu, malah lebih buruk lagi, ianya akan mengurangkan kepercayaan, minat dan keazaman bumiputera yang lain dan juga keyakinan kaum-kaum lain yang ingin bekerjasama dengan bumiputera dalam perniagaan.

Seperkara lagi yang ingin saya sentuh ialah sikap setengah-setengah peniaga kita di dalam dunia perniagaan di mana soal-soal bersangkutan-paut dengan perniagaan mestilah dilihat dari segi perniagaan itu sendiri, dan bukannya dari segi politik, perkauman dan memainkan sangat soal yang terlalu emosional.

Saya berharap buku ini akan tersebar dengan luas di seluruh negara supaya ia dapat membantu dan memandu peniaga-peniaga bumiputera yang sedang membangun.

Dengan ini saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Dr. Mahathir yang telah berusaha selama lebih dari dua tahun untuk menerbitkan sebuah buku yang sangat berfaedah kepada kita semua.

9 Januari 1974.

Tengku Razaleigh Hamzah
Yang Dipertua